

SOALAN NO.: 17

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN
JUSOH
KAWASAN : SETIU
TARIKH : 27 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

SOALAN:

YB. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan penggunaan perisian Model Bangunan Bermaklumat (BIM) yang dikatakan dapat membantu ke arah pembinaan yang lebih efisien serta jenis projek dan 'tier' yang diwajibkan dalam mengguna pakai sistem ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, "*Building Information Modeling*" (BIM) dapat membantu ke arah pembinaan yang lebih efisien dengan mengurangkan masalah-masalah di tapak pembinaan seperti masalah:

- i. pertambahan kos
- ii. kelewatan penyiapan projek
- iii. pembaziran bahan binaan.

Dengan penggunaan aplikasi dan kaedah BIM, perancangan awal sesuatu projek pembinaan dapat dilakukan dengan lebih sempurna dan mengelakkan 'kerja-kerja pembetulan' atau "*rework*" yang menjadi antara punca masalah-masalah di tapak pembinaan yang telah dinyatakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, BIM ini telah dan sedang diguna pakai di dalam beberapa projek pembinaan awam, antaranya Institut Kanser Negara di Putrajaya, bangunan pentadbiran Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Selangor di Shah Alam dan bangunan pentadbiran Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.

Penggunaan BIM juga disyaratkan di dalam beberapa projek pembinaan hospital akan datang di seluruh negara. Terbaru, Hospital Kajang dan Parit Buntar yang kini dalam proses tender juga mensyaratkan penggunaan kaedah BIM di dalam fasa reka bentuk dan pembinaan.

Apa yang lebih menarik di sini adalah, usaha mempromosi penggunaan kaedah BIM oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia dan CIDB Malaysia telah mula menampakkan hasil apabila dua projek pembinaan kendalian Jabatan Kerja Raya Malaysia iaitu Politeknik Besut dan Istana Raja Muda Perlis di Arau akan menggunakan kaedah BIM walaupun tiada syarat berkaitan dikenakan oleh pemilik projek.

Akhir sekali, persoalan "*tier*" atau istilah yang lebih tepat lagi tahap yang disasarkan adalah BIM Tahap 2 atau "*BIM Level 2*". Ini adalah sejajar dengan inisiatif Program Transformasi Industri Pembinaan 2016-2020 yang menggariskan supaya 40% projek awam bernilai RM100 Juta ke atas menggunakan BIM Level 2 menjelang tahun 2020.

"BIM Level 2" melibatkan penyediaan model BIM untuk menggantikan lukisan dan pelan 2D, integrasi model BIM pelbagai disiplin serta perkongsian maklumat di antara semua peserta projek.

Sekian, terima kasih.